

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BIL. 1 TAHUN 1983

PENUBUHAN JAJAHAN KECIL JELI

Adalah dimaklumkan bahawa Jajahan Kecil Jeli telah ditubuhkan pada 1hb. Julai, 1982 mengikut P.U. Kelantan Bil. 9 bertarikh 25hb. Februari 1982. Jajahan Kecil Jeli itu mengandungi Daerah-Daerah Belimbing dan Jeli dalam Jajahan Tanah Merah dan Daerah Kuala Balah dalam Jajahan Kuala Krai. Pada tarikh yang sama iaitu 1hb. Julai 1982 Daerah Kuala Balah tidak lagi di bawah pentadbiran Jajahan Kuala Krai. Salinan Warta Kerajaan P.U. 9/82 bertarikh 18hb. Mac, 1982 dikembar bersama ini. Jajahan Kecil Jeli adalah sebuah Jajahan Kecil di dalam Jajahan Tanah Merah.

2. Mengikut Seksyen 11 Kanun Tanah Negara Pihak Berkuasa Negeri boleh membahagikan satu-satu Negeri ke beberapa Jajahan dan juga boleh membahagi sesuatu Jajahan itu ke beberapa Jajahan Kecil. Seksyen 12(5) Kanun Tanah Negara pula memerlukan supaya hanya seorang Pemungut Hasil Tanah dilantik di dalam satu Jajahan dan ini tidak termasuk Jajahan Kecil. Di dalam masalah Jeli ini oleh sebab ianya sebuah Jajahan Kecil dalam Jajahan Tanah Merah maka kedudukan perlantikan Pemungut Hasil Tanah adalah sebagaimana berikut :-

- (a) Pemungut Hasil Tanah, Tanah Merah (iaitu Ketua Jajahannya) ialah Pemungut Hasil Tanah Bagi Jajahan Tanah Merah yang termasuk juga Jajahan Kecil Jeli.

- (b) Penolong-Penolong Pemungut Hasil Tanah Jajahan Kecil Jeli adalah Penolong Pemungut Hasil Tanah bagi Jajahan Kecil Jeli.
 - (c) Penolong-Penolong Pemungut Hasil Tanah, Tanah Merah masih ada kuasa di dalam Jajahan Kecil Jeli tetapi dari segi pentadbiran tanah perkara seumpama ini tidak begitu digalakkan.
3. Perlantikan Pegawai-Pegawai berikut telahpun disiarkan dalam Warta Kerajaan.
- (1) En.Wan Rashid bin Hj, Wan Ishak sebagai Pemungut Hasil Tanah, Tanah Merah mengikut P.U.771 bertarikh 4.12.80.
 - (2) Perlantikan En.Puad bin Hj.Hassan dan juga En. Ab. Aziz bin Ab.Rahman sebagai Penolong Pemungut Hasil Tanah, Jajahan Kecil Jeli telah diwartakan mengikut P.U.Bil.468 bertarikh 1hb. Julai, 1982.

t.t
(Md. Hussin Bin Hassan),
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN.**

KOTA BHARU: 5HB. MAC 1983

KEPADA :

Semua Pemungut Hasil Tanah,
Kelantan.
(Dan PPHT, Jajahan Kecil Jeli).

SALINAN KEPADA :

YB. Dato' Setiausaha Kerajaan,
Kelantan. (Bahagian Perkhidmatan 3 salinan)

YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri,
Kelantan,

KOTA BHARU.

YB. Tuan Penasihat Undang-Undang Negeri,
Kelantan,

KOTA BHARU.

YBrs. Setiausaha Sulit,
Dato' Menteri Besar

KELANTAN.

[P.T.G.(KN.) SULIT BIL. 7/81/(40)